

29/10/2002

Strategi peringkat reputasi Islam perlu diperhebat

Zamri Mohamad

ORANG Islam terus ditekan bertubi-tubi dengan pelbagai mekanisme yang ada. Media Barat secara terus menerus mengaitkan tindakan ganas yang dilakukan ada kaitan dengan Islam. Hanya sebilangan kecil yang bertindak secara rasional dalam membincangkan hal ini.

Tekanan masyarakat Islam di Barat adalah tekanan yang sama kepada masyarakat Islam di Malaysia. Tidak pernah melainkan hari ini pembunuh dikaitkan dengan agama yang dianutnya. Apa tindakan kita kali ini, berdiam diri dan membiarkan saja salah faham terus berlegar di kalangan masyarakat atau bertindak dengan apa saja cara yang bersesuaian?

Peristiwa hari ini adalah peristiwa dunia. Ada golongan tertentu yang berusaha menyemarakkan api permusuhan di kalangan umat Islam dan masyarakat dunia. Islam Online melaporkan penyebaran risalah di sebuah pusat Islam yang di Honolulu mengandungi perkataan ganas dan kejam mengenai Islam dan orang Islam. Ia memberi amaran dan ugutan kepada kawasan Islam di Hawaii bahawa mereka sentiasa diawasi. Umat Islam di Hawaii yang kini mencecah hampir 3,000 orang secara tidak langsung menerima ancaman.

Keganasan juga mengheret Malaysia untuk terbabit sama hingga Australia dan Britain mengingatkan rakyatnya agar membatalkan kunjungan mereka ke negara ini sebagai destinasi pelancongan.

Namun sebagaimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, negara Barat juga tidak selamat daripada keganasan.

Kita tidak mahu reputasi buruk terus menerus dilemparkan terhadap Malaysia. Maka, media percetakan serta penyiaran, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan politik dan individu perlu memikirkan satu strategi dan langkah berkesan agar tanggapan negatif ini terhapus.

Media cetak sebagai contoh, janganlah terlalu membesar-besarkan isu ini. Artikel yang menyentuh keindahan dan kecantikan ajaran Islam dan kisah tokoh-tokoh Islam barat yang memeluk Islam perlu diperbanyakkan.

Media penyiaran Malaysia masih kekurangan program agama yang bersifat umum untuk tatapan masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia. Malah masa penyiarannya juga bukannya pada waktu perdana. Siaran agama berbahasa Inggeris perlu ditambah sebagaimana yang pernah dilakukan oleh TV2 yang menyiarkan program yang diterbitkan oleh International Islamic Series.

Melihat Dubai sebagai contoh, pada awal Ramadan akan datang siaran satelit Islam pertama dalam bahasa Inggeris akan dimulakan. Tumpuan utama siaran ini ialah mengupas keadaan sosial dan agama orang Islam yang berbahasa Inggeris di Eropah, Timur Tengah dan India. Ia bagi mencari identiti bagaimana menyesuaikan dengan selera mereka.

Jika Malaysia mampu melahirkan idea hebat sebegini, ia tentu berkesan sebagai medium bagi pelancong ke Malaysia yang ingin melihat apa yang dikatakan masyarakat Islam yang harmoni sebagaimana yang dikhabarkan kepada mereka.

Tidak salah jika pelancong yang tiba melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang disambut dengan helaian risalah mengenai Islam dalam bahasa mereka sebagai usaha memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam harmoni.

Di California, papan iklan yang menggambarkan masyarakat Islam yang berbilang kaum tersenyum terletak di jalan raya utamanya, rasanya idea ini boleh diamalkan di negara kita.

Dari segi politik, konsep kumpulan berkepentingan dan kumpulan pendesak

perlu mengeluarkan cadangan bernas dalam usaha memperkenalkan imej Islam sebagai agama persaudaraan bukannya keganasan.

Mungkin Barat terlupa mencari titik noktah punca keganasan itu sendiri. Mungkin dalam tempoh beberapa hari nanti satu bentuk keganasan akan dilancarkan dengan menggantikan istilah keganasan dengan istilah peperangan.

ZAMRI MOHAMAD,
Melaka.